

# Tambak Johor kekal

Oleh ROHANI IBRAHIM

**JOHOR BAHRU** 10 Mei - Keputusan kerajaan membatalkan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor adalah kekal, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Saya tidak mahu bercakap mengenai jambatan yang bengkok. Kerajaan sudah memu-

tuskan jambatan yang dibina adalah dari Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bukit Chagar ke Tambak Johor.

"Anda tidak perlu bertanya mengenai kemungkinan jambatan bengkok berkenaan akan dibina.

"Saya tidak pernah mimpikan jambatan bengkok itu akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas melawat Kompleks KIK Bukit Chagar di sini hari ini.

Um - 11/5/2007

Anda tidak perlu bertanya mengenai  
kemungkinan jambatan bengkok  
berkenaan akan dibina

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya kemungkinan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang diba-

talkan pembinaannya akan dibina memandangkan pertumbuhan dan peningkatan projek mega di selatan Johor.

**S. SAMY  
VELLU**  
Menteri  
Kerja Raya